

**INTERVENSI KERJA KUMPULAN DALAM
KALANGAN WANITA YANG MENGALAMI
KEGANASAN RUMAH TANGGA DI INDONESIA**

MEITI SUBARDHINI

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2013**

**INTERVENSI KERJA KUMPULAN DALAM
KALANGAN WANITA YANG MENGALAMI
KEGANASAN RUMAH TANGGA DI INDONESIA**

Oleh

MEITI SUBARDHINI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan Bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2013

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Julai 2013

MEITI SUBARDHINI
P-SD0013/07 (R)

PENGHARGAAN

Puji syukur saya panjatkan ke hadirat Allah SWT, kerana hanya dengan limpah kurnia-Nya maka saya boleh menyiapkan tesis ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terimakasih kepada penyelia saya Profesor Dr. Ismail Baba dan Profesor Madya Dr. Azlinda Azman. Alhamdulillah, Allah SWT telah memberikan penyelia yang senantiasa menyokong dan menyelia dengan penuh kesabaran sehingga saya telah berjaya menyelesaikan tesis ini. Motivasi, sokongan untuk menentukan dan mengembangkan minat akademik dalam mencapai kejayaan dimasa hadapan banyak saya dapatkan daripadanya. Ucapan penghargaan dan terimakasih yang sebesar-besarnya tidak cukup untuk menggantikan kesabaran dan kesungguhan beliau dalam membimbing saya. Semoga Allah SWT, sentiasa melimpahkan kurnia kepada beliau.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga saya sampaikan kepada yang amat berhormat Dr. Noriah Binti Mohamed, yang telahpun memberikan dorongan dan tunjuk ajar tanpa mengenal jemu, memberikan kepakaran dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dari awal penulisan tesis ini.

Dalam penyelesaian tesis ini juga, melibatkan pelbagai pihak yang sentiasa memberikan sokongan moral, material dan spiritual secara telus. Oleh itu, Penghargaan dan terima kasih saya kepada mereka yang berikut atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberi.

Ketua Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial (STKS) Bandung, yang telah memberi kesempatan pada saya untuk mengikuti pengajian ijazah Doktor Falsafah di

Universiti Sains Malaysia. Ibu-ibu Warga Kampung Cigadung Kota Bandung, yang dengan kesungguhannya dan kejujurannya telah memberikan sumbangan penting dalam penulisan tesis ini.

Ibu saya (Hj. E. Niswara) yang doa-doanya selalu menjadi kekuatan untuk kesemua anaknya. Suami tercinta (S. Ismu Rochadi) dan anakku tersayang (Ismidianti Hasanah), atas motivasi dan kesabarannya secara berterusan memberi semangat sehingga saya boleh menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terakhir adalah teman-teman angkatan I USM-STKS yang dengan doa, tangis dan tawa sentiasa saling memberi sokongan dalam rangka penyelesaian pengajian ini.

Akhirnya kepada semua pihak yang tidak boleh disebutkan satu persatu, saya sampaikan terimakasih yang tak terhingga semoga Allah SWT membalas semua kebaikan yang telah diberikan.

Pulau Pinang, Julai 2013

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI ISTILAH	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB I PENGENALAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	4
Persoalan Kajian.....	8
Objektif Kajian.....	9
Kepentingan Kajian.....	9
Limitasi Kajian.....	10
Susunan Bab Hasil Kajian.....	11
BAB II SOROTAN LITERATUR.....	13
Intervensi Kerja Kumpulan Sebagai Praktis Kerja Sosial	14
Teori dan model kerja kumpulan	14
Jenis-jenis kerja kumpulan.....	17

Kajian Lepas Berkaitan Kerja Kumpulan	22
Model Penyelesaian Masalah (<i>Problem Solving Model</i>)	24
Proses Kerja Kumpulan.....	25
Fasa pra perancangan	26
Fasa permulaan kerja kumpulan	26
Fasa pertengahan.....	33
Fasa penamatan	35
Konsep Tentang Wanita	36
Isu Psikosoial Wanita Yang Mengalami Keganasan Dalam Rumah Tangga	43
Keganasan rumah tangga fizikal	43
Keganasan rumah tangga emosi atau kejiwaan	43
Keganasan rumah tangga seksual	44
Keganasan rumah tangga sosial	44
Keganasan rumah tangga ekonomi	44
Trauma	48
Intervensi Kerja Sosial Untuk Menangani Wanita Yang Mengalami Keganasan Dalam Rumah Tangga (KDRT).....	51
Perubahan kognitif	53
Perubahan emosi	54
Perubahan perilaku.....	55
Perubahan persekitaran	55
Perubahan penderitaan (membebaskan diri penderitaan)	56
Perhubungan (<i>relationship</i>)	56
Terapis (<i>therapist</i>).....	57
Jejaring perkhidmatan (<i>service network</i>).....	57

Tempat (<i>location</i>).....	58
Masa (<i>time</i>)	58
Terapi individu (<i>individual therapy</i>).....	59
Terapi keluarga (<i>family therapy</i>)	60
Terapi kumpulan (<i>group treatment</i>).....	60
Terapi komuniti (<i>therapeutic community</i>)	61
Jenis Terapi Psikososial	61
Terapi rasional emosi (RET).....	62
Terapi asertif	63
Terapi <i>Gestalt</i>	64
Terapi <i>imaginal flooding</i>	66
Terapi <i>emotional freedom technique</i> (EFT).....	66
Peranan Pekerja Sosial Dalam Kerja Kumpulan.....	67
Pembela (<i>advocator</i>)	68
<i>Mediator</i>	69
<i>Broker</i>	69
Terapis/kaunselor	69
Dasar Sosial Dan Undang-Undang Berhubung KDRT.....	70
Aktiviti program penanganan masalah bagi wanita yang mengalami KDRT.....	71
BAB III METODOLOGI KAJIAN.....	77
Kaedah Kajian.....	77
Reka Bentuk Kajian	79
Definisi Konseptual	81
Kerja sosial kumpulan.....	81
Keganasan dalam rumah tangga (KDRT).....	81

Wanita yang mengalami keganasan rumah tangga.....	82
Deskripsi Latar Kajian	82
Sumber Data/Maklumat	83
Sampel Penelitian.....	83
Teknik Pengumpulan Data.....	84
Rancangan Pemeriksaan Kesahan Data	86
Teknik Penganalisaan Data.....	86
Reduksi data.....	86
Penyajian data	87
BAB IV PENEMUAN KAJIAN.....	88
Pengenalan	88
Fasa Pra Perancangan Kerja Kumpulan Wanita Yang Mengalami Keganasan.....	92
Profil Ahli Kumpulan Wanita Yang Mengalami KDRT	101
Latar belakang umur ahli kumpulan KDRT	101
Pendidikan ahli KDRT.....	102
Pekerjaan ahli KDRT.....	103
Fasa Permulaan Kerja Kumpulan.....	105
Sesi satu	105
Sesi kedua	118
Fasa Pertengahan Kerja Kumpulan.....	136
Sesi ketiga	137
Sesi keempat	141
Sesi kelima	154
Sesi keenam	180
Sesi ketujuh.....	194

Sesi kedelapan.....	201
Sesi kesembilan.....	206
Sesi kesepuluh.....	217
Fasa Penamatan Kerja Kumpulan	222
Sesi kesebelas.....	223
Sesi keduabelas	235
Rumusan.....	239
BAB V PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	241
Pengenalan	241
Profil Wanita yang Mengalami Keganasan Dalam Rumah Tangga (KDRT).....	243
Usia dan pendidikan.....	243
Pekerjaan.....	244
Usia wanita yang mengalami KDRT ketika berkahwin	245
Latar belakang tindak keganasan	246
Bentuk dan jenis tindak keganasan	248
Impak daripada keganasan dalam rumah tangga (KDRT).....	250
Mengenal Pasti Setiap Fasa Kerja Kumpulan.....	256
Pemilihan ahli kumpulan	257
Pembentukan dan proses kerja kumpulan.....	262
Objektif dan aktiviti dalam kerja kumpulan	272
Amalan teknik <i>Nourishment</i> pendekatan <i>Gestalt</i>	276
Cara menghadapi sikap negatif suami	280
Amalan teknik komunikasi asertif	281
Cara mengatasi tekanan melalui amalan <i>Emotional Freedom Tehnique</i> (EFT).....	284

Cara mengatasi trauma melalui amalan teknik <i>Imaginal Flooding</i>	286
Penamatan/terminasi kerja kumpulan	289
Perancangan Aktiviti Masa Hadapan	291
Implikasi Kajian	292
Dasar sosial/polisi	292
Praktis kerja sosial	293
Pendidikan kerja sosial	298
Limitasi Kajian.....	299
Cadangan Kajian Di Masa Hadapan	299
Kesimpulan	300
RUJUKAN	303

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 1 <i>Calon ahli kerja kumpulan wanita yang mengalami KDRT Berdasarkan Temu bual dan Pemerhatian</i>	101
Jadual 2 <i>Usia Wanita Ahli Kumpulan Yang Mengalami KDRT</i>	102
Jadual 3 <i>Fasa Pendidikan Wanita Ahli Kumpulan Yang Mengalami KDRT.....</i>	103
Jadual 4 <i>Profil ahli kumpulan (wanita yang Keganasan Dalam Rumah Tangga [KDRT])</i>	135
Jadual 5 <i>Tema/Topik dan Proses Kerja Kumpulan pada fasa pertengahan.....</i>	274
Jadual 6 <i>Model Sokong Bantu/Self Help Group.....</i>	297

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1	Kerangka Konsepsual Kajian	73
Rajah 2	Sesi Calon Informan	104
Rajah 3	Penentuan Peraturan, Nilai dan Kesepakatan Kumpulan	112
Rajah 4	Implementasi Teknik <i>Nourishment</i> Secara Individu	143
Rajah 5	Implementasi Teknik <i>Nourishment</i> Secara Kumpulan	144
Rajah 6	Kutipan Tulisan Nuri dalam Teknik <i>Nourishment</i>	145
Rajah 7	Kutipan Tulisan Ika dalam Teknik <i>Nourishment</i>	145
Rajah 8	Kutipan Tulisan Wuri dalam Teknik <i>Nourishment</i>	146
Rajah 9	Kutipan Tulisan Yesi dalam Teknik <i>Nourishment</i>	146
Rajah 10	Kutipan Tulisan Rita dalam Teknik <i>Nourishment</i>	147
Rajah 11	Kutipan Tulisan Ima dalam Teknik <i>Nourishment</i>	147
Rajah 12	Kutipan Tulisan Nuri dalam Teknik <i>Nourishment</i>	148
Rajah 13	Kutipan Tulisan Ika dalam Teknik <i>Nourishment</i>	149
Rajah 14	Kutipan Tulisan Wuri dalam Teknik <i>Nourishment</i>	149
Rajah 15	Kutipan Tulisan Yesi dalam Teknik <i>Nourishment</i>	150
Rajah 16	Kutipan Tulisan Rita dalam Teknik <i>Nourishment</i>	150
Rajah 17	Kutipan Tulisan Ima dalam Teknik <i>Nourishment</i>	151
Rajah 18	Implementasi Teknik Relaksasi	152
Rajah 19	Tulisan Perasaan Negatif Informan dalam Teknik <i>Nourishment</i>	153
Rajah 20	Tulisan Perasaan Positif Informan dalam Teknik <i>Nourishment</i>	153
Rajah 21	Implementasi Teknik Asertif	197

Rajah 22	Implementasi EFT secara Individu	202
Rajah 23	Implementasi EFT secara Berpasangan	204
Rajah 24	Implementasi Teknik <i>Imaginal Flooding</i>	209
Rajah 25	Praktis <i>Imaginal Flooding</i>	209
Rajah 26	Uniform Hasil Rancangan Ahli Kumpulan	234
Rajah 27	Merancang Aktiviti Dimasa Hadapan	235
Rajah 28	Kegiatan Bazar yang Diikuti oleh Informan Selepas Penyelidikan	236

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Panduan <i>Inform Concern</i>
Lampiran B	Panduan Teknik <i>Nourishment</i>
Lampiran C	Panduan EFT
Lampiran D	Panduan Teknik Assertif
Lampiran E	Panduan <i>Imaginal Flooding</i>

SENARAI ISTILAH

1. Keganasan Dalam Rumah Tangga (KDRT) adalah perilaku dengan sengaja mahupun tidak sengaja yang ditujukan untuk mencederai atau merosak kehidupan rumah tangga baik bersifat fizikal, kejiwaan, sosial, ekonomi mahupun seksual.
2. Wanita yang mengalami keganasan rumah tangga wanita yang telah menjadi mangsa keganasan dalam kehidupan perkahwinannya mengakibatkan pengaruh baik terhadap aspek fizikal, sosial mahupun kejiwaan.
3. *Feminist* adalah sebuah aliran yang digunakan dalam kajian untuk mengkaji lebih mendalam tentang situasi, pengalaman wanita, dan pendapat wanita tentang situasi yang dialami mereka berkenaan masalah keganasan rumah tangga.
4. Intervensi kerja sosial adalah aktiviti profesion yang dilakukan oleh pekerja sosial dalam membantu wanita yang mengalami keganasan rumah tangga untuk meningkatkan atau membaiki kemampuan mereka sehingga boleh melaksanakan fungsi sosialnya.
5. Intervensi kerja kumpulan adalah aktiviti profesion yang dilakukan oleh pekerja sosial dalam membantu wanita yang mengalami keganasan rumah tangga melalui kerja kumpulan, dengan proses kumpulan meliputi fasa pra perancangan, fasa permulaan, fasa pertengahan dan fasa penamatan.

INTERVENSI KERJA KUMPULAN DALAM KALANGAN WANITA YANG MENGALAMI KEGANASAN RUMAH TANGGA DI INDONESIA

ABSTRAK

Keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang mempunyai impak psikososial yang negatif terhadap wanita sama ada secara fizikal, psikologikal mahupun sosial. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai sejauhmana intervensi kerja sosial melalui kerja kumpulan boleh meningkatkan kesejahteraan sosial wanita yang telah mengalami keganasan rumah tangga di Kota Bandung. Kajian ini memberi tumpuan kepada proses penyelesaian masalah dalam konteks kerja kumpulan yang dilaksanakan oleh pekerja sosial terhadap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Beberapa fasa telah dikenal pasti dalam kajian bagi membolehkan kerja kumpulan itu dilaksanakan dengan jayanya. Fasa pertama adalah fasa pra perancangan yang merangkumi pemilihan ahli dalam kalangan wanita yang telah terlibat dalam keganasan rumah tangga. Fasa kedua meliputi proses permulaan kerja kumpulan yang melibatkan pengenalan, pembentukan objektif dan norma-norma sosial yang perlu dipatuhi oleh ahli. Fasa ketiga adalah fasa pertengahan yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan hasil daripada objektif kerja kumpulan. Fasa terakhir yang merupakan fasa penamatan telah membolehkan pekerja sosial membuat penilaian sejauhmana impak kerja kumpulan terhadap wanita yang telah mengalami keganasan rumah tangga. Kajian ini juga memberi fokus kepada hasil pembelajaran dan impak intervensi kerja sosial terhadap kumpulan kecil. Kajian ini berbentuk kualitatif dan berteraskan kepada tindakan sosial (*social action*). Sebanyak dua belas (12) sesi intervensi telah diberikan kepada kumpulan. Setiap intervensi mengambil masa selama dua jam untuk kumpulan membincangkan

isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga. Penyelidik sendiri telah mengendalikan intervensi kerja kumpulan ini dengan berpandukan kepada model penyelesaian masalah yang lazim digunakan dalam praktis kerja sosial. Hasil utama kajian membuktikan kerja kumpulan yang sebelum ini dianggap sebagai pendekatan “Barat” sebenarnya berupaya memperkasakan wanita dalam mengendalikan masalah keganasan rumah tangga. Kumpulan sokong bantu (*self-help group*) yang terbentuk dari intervensi kerja kumpulan ini benar-benar telah boleh membantu ahli-ahli kumpulan berhadapan dengan isu-isu psikososial berhubung dengan keganasan rumah tangga mereka. Walau bagaimanapun, proses kesinambungan atau kelestarian sistem sokong bantu ini merupakan suatu cabaran. Dari aspek peranan pekerja sosial pula, kerja kumpulan ini benar-benar telah mencabar nilai-nilai, pengetahuan dan kemahiran pekerja sosial. Pra perancangan nama penting dalam memilih ahli yang benar-benar sesuai untuk mengikuti intervensi kerja kumpulan ini. Pekerja sosial perlu bersikap fleksibel dan sentiasa bersedia untuk mengubah halatuju kerja kumpulan walaupun persetujuan kerja telah dibentuk dari awal. Dengan kata lain, pekerja sosial perlu akur dan arif terhadap keupayaan setiap ahli untuk berkembang dari aspek psikologikal dan sosial mengikut kemampuan mereka. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menyumbang kepada perkembangan intervensi kerja kumpulan yang boleh diketengahkan dalam konteks wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Intervensi kerja kumpulan ini dilihat boleh diperluaskan lagi penggunaannya dalam konteks kerja sosial di Indonesia.

GROUP WORK INTERVENTION WITH WOMEN WHO EXPERIENCED DOMESTIC VIOLENCE IN INDONESIA

ABSTRACT

Domestic violence is a social problem that has a negative psychosocial impact on women's physical, psychological and social. The main objective of the study was to assess the extent of social work intervention through group work that can enhance the social wellbeing of women who have experienced domestic violence in the city of Bandung. This study focused on the process of problem solving in the context of the work undertaken by a social worker on women who experience domestic violence. Several phases have been identified in this study to enable the social work with group successfully implemented. The first phase was the pre planning that includes the selection of members among women who have been involved in domestic violence. The second phase was the beginning group work intervention that involves the introduction of members to the group work, the formulation of objectives and social norms that must be agreed and observed by members. The third phase was the middle phase that involves activities that should be implemented based on the objectives of the group work. The last phase was the termination phase that allows social worker to assess to what extent the impact of the group's work on women who have experienced domestic violence. This study also focused on the learning outcomes and the impact of social work intervention with small group. A qualitative research based on social action was used for the study. A total of twelve (12) sessions were given to the group intervention and each intervention took about two hours for the group to discuss matters related to domestic violence. The researcher personally conducted the group work interventions by using problem-

solving model that most commonly used in social work practice. Results of the study proved that the social work intervention that is considered “Western” indeed capable of empowering women in the area of domestic violence. The self-help group formed from this intervention really helped group members to deal with the psychosocial issues related to the domestic violence. However, the continuity or sustainability of this self-help group system is a real challenge. With regards to the role of the social worker, the work has really challenged the values, knowledge and skills of the social worker. Pre planning is very important in choosing the appropriate members for this group work interventions. Social worker need to be flexible and ready to change the direction of the group work even if the agreement or objectives had been formed from the initial work. Finally, social worker should be sensitive with the ability of each member to grow psychologically and socially within their means. Overall, the results of this study contribute to the development of group work interventions in the context of women who experience domestic violence. Intervention of social group work can be further expanded its use in the context of social work in Indonesia.

BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang

Keganasan rumah tangga merupakan salah satu masalah sosial yang mempunyai dampak negatif terhadap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga maupun persekitaran sosialnya. Wanita yang mengalami keganasan rumah tangga tidak hanya berkaitan dengan individu, tetapi juga berkaitan dengan permasalahan keluarga dan masyarakat. Setakat ini, keganasan rumah tangga juga telah menjadi permasalahan di peringkat nasional maupun antarabangsa kerana berkaitan dengan isu global tentang hak asasi manusia (Fitriyati, 2008).

Tinjauan daripada pelbagai aspek samada sosiobudaya, ekonomi maupun aspek biologi, merupakan kajian yang menarik untuk mengetahui secara komprehensif penyebab kepada keganasan rumah tangga tersebut. Keganasan rumah tangga adalah perilaku dengan sengaja yang ditujukan untuk mencederai orang lain yang meliputi tidak hanya serangan berbentuk fizikal, tetapi juga perilaku mengancam, intimidasi dan pelecehan sosial maupun seksual. Keganasan rumah tangga hendaknya dilihat sebagai kombinasi penggunaan secara salah kekuatan fizikal, kejiwaan dan seksual (Barker, 1995).

Kamus besar bahasa Indonesia (2006) mengemukakan bahawa keganasan rumah tangga adalah perilaku dengan sengaja maupun tidak sengaja (verbal dan non verbal) yang ditujukan untuk mencederakan atau merosak orang lain, samada berupa serangan fizikal, psikologi, sosial maupun seksual yang melanggar hak asasi

manusia dan bertentangan dengan nilai dan norma dalam masyarakat berimpak kepada trauma psikologi bagi mangsa yang terjadi di lingkup rumah tangga.

Huraian diatas memperlihatkan bahawa wanita yang mengalami keganasan rumah tangga daripada tahun ketahun menunjukkan jumlah yang semakin meningkat samada secara kualiti mahupun kuantiti. Kenyataan ini dipengaruhi beberapa faktor seperti faktor ekonomi, sosial dan budaya masyarakat setempat. Faktor ekonomi berkait dengan ramainya pengangguran sehingga wanita seringkali menjadi mangsa kepada perlakuan ketidakpuasan suami dalam mengisi keperluan ekonomi. Disisi sosial pula masalah perhubungan, kematangan dan komunikasi antara pasangan suami isteri yang membawa kepada masalah keganasan rumah tangga. Sistem budaya juga menyumbang kepada masalah keganasan rumah tangga, contohnya sistem patriaki yang diamalkan di Indonesia secara tidak langsung meletakkan wanita sebagai sub ordinat kepada kaum lelaki. Struktur sosial dan budaya seperti ini kurang menguntungkan dari aspek perhubungan sosial diantara wanita dan lelaki.

Permasalahan yang dihadapi oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga samada secara ekonomi, fizikal, emosi mahupun sosial, mengakibatkan mereka yang berkenaan tidak mampu untuk melaksanakan kefungsiian sosial secara optima. Untuk mengatasi permasalahan ini, profesion kerja sosial boleh memainkan peranan penting. Kerja sosial ialah perkhidmatan profesional yang mempunyai asas pengetahuan ilmiah dan kemahiran yang berkait dengan manusia yang bertujuan membantu individu, kumpulan atau masyarakat mencapai kefungsiian sosial, kepuasan peribadi dan sosial serta kebebasan. Ia juga merupakan suatu profesion yang berkepentingan dengan permasalahan dalam perhubungan atau interaksi antara

orang dengan persekitaran sosialnya, sehingga mampu melaksanakan tugas-tugas kehidupan, mengurangkan ketegangan, mewujudkan aspirasi dan nilai-nilai mereka.

Permasalahan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga patut diberi perhatian oleh profesion kerja sosial, dimana pekerja sosial mempunyai kecekapan dan kemahiran dalam membantu menangani masalah yang dihadapi mereka. Pekerja sosial haruslah mempunyai kecekapan dan kemahiran dalam amalan kerja sosial khususnya dalam menangani masalah wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Salah satu kaedah profesion kerja sosial yang boleh membantu wanita yang mengalami keganasan rumah tangga, iaitu kaedah kerja sosial dengan kumpulan. Kerja sosial kumpulan merupakan suatu kaedah bekerja dengan kumpulan yang ditujukan untuk mengembangkan kefungisian sosial ahli kumpulan sehingga diharapkan boleh mengurangkan hambatan atau halangan yang ada dalam melakukan interaksi sosial atau mencapai tujuan sosial yang diharapkan (Skidmore & Thackeray, 1995).

Tujuan kerja sosial dengan kumpulan digunakan adalah untuk mempertahankan atau melakukan pembaikan ke atas kefungisian peribadi dan sosial daripada ahli-ahli kumpulan. Kumpulan juga digunakan untuk melihat kekuatan dan kelemahan yang ada pada setiap ahli di dalam kumpulan dan hubungan setiap ahli dengan persekitaran sosial mereka. Kumpulan digunakan untuk tujuan pencegahan jika ahli-ahli kumpulan mengalami perasaan terancam kemampuannya untuk berfungsi secara sosial. Disamping itu kumpulan ini juga bertujuan untuk pengembangan kemampuan atau potensi ahli-ahli kumpulan tersebut.

Semua permasalahan yang dihadapi oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga berkenaan dengan perbaikan fungsi sosial, ketidakpercayaan diri,

pengembangan diri dan perasaan terancam yang relevan dengan tujuan kerja sosial kumpulan.

Berkait dengan masalah keganasan rumah tangga yang dialami wanita, permasalahan ini pada masyarakat Indonesia masih dianggap *taboo*. Perkara ini berkait rapat dengan sistem nilai yang dipegang oleh wanita di Indonesia itu sendiri. Pada umumnya wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Indonesia sukar sekali dan tidak terbuka untuk membincangkan masalah keganasan rumah tangga yang dilakukan lelaki atau suami sebagai pasangan mereka. Melalui pendekatan intervensi secara kumpulan kecil nanti diharapkan wanita ini boleh bergabung tenaga dan lebih terbuka untuk berkongsi masalah, pengalaman dan perasaan yang mereka lalui. Pada masa yang sama wanita yang terlibat boleh membantu antara satu sama lain bagaimana untuk mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan mereka.

Pernyataan Masalah

Setakat ini, kes-kes keganasan di Indonesia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2009, telah dilaporkan keganasan terhadap anak ialah seramai 17,302 orang, dewasa 61,078 orang, warga emas 2,986 orang, sehingga jumlah keseluruhan mencapai 81,366 orang. Pada tahun 2010, keganasan ke atas anak meningkat menjadi seramai 52,323 orang, dewasa seramai 57,928 orang, dan terhadap warga emas adalah seramai 5,881 orang, sehingga jumlah keseluruhan mencapai seramai 161,132 orang (Kementerian Sosial Republik Indonesia, 2011).

Fenomena keganasan rumah tangga pada akhir-akhir ini lebih banyak dialami oleh kaum wanita. Komisi Nasional (Komnas) Wanita Indonesia (2010) mendapati bahawa data telah meningkat daripada tahun ke tahun. Dalam tahun 2009 sahaja,

dilaporkan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga adalah seramai 4,637 orang, tahun 2010 seramai 5,887 orang, tahun 2011 seramai 7,903 orang dan tahun 2012 menjadi 14,578 orang (Komnas Perempuan Indonesia, 2012).

Keadaan tersebut juga telah mempengaruhi sistem perkhidmatan sosial yang diberi oleh badan kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kementerian Sosial RI melalui Direktorat Bantuan Sosial Korban Tindak Kekerasan dan Pekerja Migran (KTKPM) misalnya telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan memberi bantuan bagi wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Bahkan setakat ini di beberapa regional di Indonesia telah dibentuk beberapa Rumah Perlindungan dan Trauma Centre (RPTC). Salah satu aktiviti yang dijalankan RPTC terbabit adalah memberi bantuan samaada berupa bantuan ekonomi produktif mahupun bantuan pemulihan psikososial kepada wanita yang mengalami keganasan termasuk keganasan dalam rumah tangga. Data yang diperolehi dari RPTC, pada tahun 2011 adalah seramai 299 orang dan tahun 2012 pula adalah seramai 326 orang wanita mangsa keganasan rumah tangga yang telah menerima perkhidmatan sosial di RPTC Bambu Apus Jakarta (Kemensos, 2013)

Namun demikian, dapatan pengamatan yang dijalankan penyelidik ke atas aktiviti RPTC, khasnya berkait dengan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga masih banyak belum dilaporkan sehingga kemudahan sedia ada tidak digunakan. Hal ini banyak dipengaruhi oleh perasaan malu dan *taboo* dalam kalangan wanita yang mengalami keganasan untuk berkongsi masalah secara terbuka dengan orang lain.

Sebahagian besar kes-kes keganasan rumah tangga boleh diselesaikan secara dalaman di antara keluarga, yang menurut penyelidik belum tentu boleh diselesaikan

secara optima. Kes keganasan rumah tangga di beberapa RPTC kebanyakannya masih menjurus kepada intervensi dengan individu dan keluarga dan belum menjurus kepada kerja kumpulan. Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh jumlah pekerja sosial di RPTC lagi terhad dan jika ada pekerja sosial sekalipun, masih ramai yang kurang berkemahiran untuk menjalankan intervensi berbentuk kerja kumpulan. Masalah kewangan juga menjadi penyebab kepada terhadnya kemudahan dalam menjalankan aktiviti pemulihan bercorak kerja kumpulan yang optima.

Terdapat juga beberapa lembaga atau yayasan sosial di kota Bandung yang memberikan sumbangan kepada khidmat kerja sosial kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Diantaranya adalah Pusat Pelayanan Terpadu Pemberdayaan Perempuan dan Anak (P2TP2A), Yayasan JARI dan Perkumpulan Keluarga Berencana Indonesia (PKBI). Lembaga-lembaga ini memberi khidmat sosial kepada wanita yang mengalami keganasan baik rumah tangga mahupun bentuk-bentuk keganasan yang lain. Walau bagaimanapun, lembaga tersebut masih terbatas dalam memberikan khidmat sosial yang diperlukan baik dari segi jangkauan sasaran mahupun jenis perkhidmatan yang diberikan. Misalnya, P2TP2A kota Bandung memberikan perkhidmatan terhadap kes-kes keganasan baik wanita mahupun anak. Kebanyakan perkhidmatan yang diberikan adalah berbentuk kaunseling, kemahiran kerja serta berbagai pengembangan sumber daya manusia dan sebagainya. Sehingga kini, wanita yang mengalami keganasan rumah tangga yang pernah mendapat perkhidmatan di P2TP2A adalah seramai 32 orang pada tahun 2008, tahun 2009 seramai 63 orang, tahun 2010 adalah seramai 62 orang, dan tahun 2011 pula adalah seramai 47 orang telah menerima perkhidmatan berupa kaunseling mahupun kemahiran kerja daripada P2TP2A.

Data ini tidak mewakili jumlah wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di kota Bandung, kerana masih terdapat lembaga lainnya yang belum boleh dikenalpasti dan juga masih terdapat wanita yang mengalami keganasan rumah tangga yang belum mendapat perkhidmatan kerja sosial di lembaga manapun.

Yayasan JARI yang di kota Bandung lebih dikenal masyarakat sebagai yayasan yang memberikan perkhidmatan terhadap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga dimana pada tahun 2007 seramai 61 orang, tahun 2008 pula adalah seramai 59 orang, tahun 2009 seramai 76 orang, tahun 2010 seramai 74 orang dan tahun 2011 melibatkan 77 orang wanita yang mengalami keganasan rumah tangga mendapat perkhidmatan di yayasan tersebut. Sama seperti P2TP2A, Yayasan JARI turut hanya memberikan perkhidmatan kepada wanita berupa perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kemahiran kerja semata-mata.

Begitu juga lembaga PKBI tidak memiliki data yang tepat kerana tidak memberikan perkhidmatan terhadap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga secara langsung, melainkan bekerja sama dengan pihak polis dan rumah sakit berkait dengan kes-kes yang dialami oleh wanita tersebut.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat beberapa lembaga sosial yang memberikan perkhidmatan terhadap wanita yang mengalami keganasan rumah tangga tetapi masih bersifat individu. Maka kerja kumpulan dianggap sebagai alternatif pilihan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi golongan wanita ini. Melalui kerja kumpulan wanita akan dibantu dengan lebih berkesan kerana merasakan terdapat pihak lain yang turut mengalami masalah yang sama.

Oleh itu, kajian ini bertujuan memberi gambaran bahawa kerja kumpulan yang merupakan salah satu intervensi kerja sosial boleh digunakan untuk mengatasi masalah yang dialami oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga.

Persoalan Kajian

Berasaskan kepada pernyataan masalah diatas maka boleh dirumuskan persoalan utama kajian ini ialah “sejauh manakah intervensi kerja kumpulan yang dilaksanakan oleh pekerja sosial boleh meningkatkan kesejahteraan sosial wanita yang telah mengalami keganasan rumah tangga di Kelurahan Cigadung Sub Distrik Coblong Kota Bandung Regional Jawa Barat - Indonesia”.

Antara persoalan kajian utama meliputi:

1. Bagaimana pemilihan ahli itu dibuat dan profil wanita yang mengalami keganasan rumah tangga ini?
2. Apakah perancangan yang perlu dibuat untuk memperkenalkan intervensi kerja kumpulan keatas wanita yang mengalami keganasan rumah tangga, yang meliputi fasa pra perancangan, permulaan, pertengahan dan penamatan? Apakah objektif dan aktiviti-aktiviti yang perlu diadakan dalam intervensi kerja kumpulan ini?
3. Bagaimana penilaian kerja kumpulan itu dibuat dan impaknya kepada ahli-ahli kumpulan?
4. Apakah yang boleh dipelajari dengan intervensi kerja kumpulan ini dan impaknya keatas praktis kerja sosial?

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dibuat untuk melihat hubungan antara amalan teknik-teknik dalam kerja kumpulan (*group work*) dalam menangani masalah wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Kelurahan Cigadung Sub Distrik Coblong Kota Bandung Regional Jawa Barat- Indonesia.

Antara objektif kajian adalah untuk:

1. Mewujudkan pemilihan ahli dikalangan wanita yang telah terlibat dalam keganasan rumah tangga itu dilaksanakan dan profil wanita yang terlibat.
2. Mengenalpasti bagaimana setiap fasa dalam kerja kumpulan dibuat meliputi fasa pra-perancangan, permulaan, pertengahan dan penamatan dikendalikan.
3. Merancang bentuk aktiviti-aktiviti yang telah diperkenalkan dalam semua fasa.
4. Menilai impak intervensi kerja kumpulan ini terhadap wanita.
5. Menganalisis proses kerja kumpulan dan impaknya terhadap praktis kerja sosial.

Kepentingan Kajian

Memandangkan latar belakang, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian yang mahu dicapai, maka kajian ini diharapkan boleh memberi manfaat dalam memperkayakan lagi kajian ilmiah dalam ilmu kerja sosial, khasnya kepada kaedah intervensi kerja sosial kumpulan dalam menangani masalah wanita yang mengalami keganasan rumah tangga.

Selain itu, kajian ini sangat penting dalam mengembangkan pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang gambaran profil wanita yang mengalami keganasan rumah tangga, perancangan yang diperlukan berhubungan dengan proses

pra perancangan, permulaan, pertengahan dan penamatan dalam kerja kumpulan yang dijalankan kerja sosial. Disamping itu aktiviti permulaan, melalui amalan nilai dan norma serta aktiviti fasa pertengahan apa sahaja yang boleh dijalankan. Fasa penamatan yang di buat dalam kerja kumpulan yang harus dijalankan kerja sosial dalam penanganan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga merupakan hal yang perlu dikaji pula.

Kajian ini juga sangat penting dalam memberi sumbangan pemikiran bagi pelbagai pihak yang berkepentingan berkenaan dengan permasalahan yang dihadapi oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Diharapkan kajian ini boleh mengukuhkan lagi intervensi kerja sosial melalui kerja kumpulan kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga.

Limitasi Kajian

Kajian ini dibuat untuk melihat hubungan antara amalan proses dalam kerja kumpulan atau *Group Work* bagi penanganan permasalahan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Kelurahan Cigadung Sub Distrik Coblong Kota Bandung Regional Jawa Barat- Indonesia. Oleh kerana itu, kajian ini terhad kepada amalan proses kerja kumpulan kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Kelurahan Cigadung Sub distrik Coblong Kota Bandung Regional Jawa Barat- Indonesia. Namun demikian, dapatan kajian tentang kerja kumpulan ini boleh digunakan secara makro untuk wanita yang mengalami keganasan yang berbeza lokasi dengan syarat wanita yang mengalami keganasan rumah tangga tersebut mempunyai penanda aras yang sama dengan wanita yang mengalami keganasan di lokasi kajian.

Kajian berbentuk kualitatif dengan subjek kajian ini terhad kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga yang berada di Kelurahan Cigadung Sub Distrik Coblong Kota Bandung Regional Jawa Barat Indonesia. Oleh itu, dapatan kajian yang ini terhad kepada golongan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga yang berada di lokasi kajian semata-mata.

Keunikan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga sebagai individu cukup beraneka sehingga kemungkinan banyak aspek yang boleh mempengaruhi hasil kajian ini. Pada masa yang sama, jangka masa kajian mengambil masa dan boleh juga mempengaruhi keadaan wanita dan seterusnya hasil kajian.

Susunan Bab Hasil Kajian

Bab I adalah pengenalan yang mengandungi latar belakang, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan susunan bab hasil kajian. Secara umum pada bahagian latar belakang dan pernyataan masalah menyajikan tentang data wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Indonesia, dan program yang telah dijalankan dalam penanganan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Indonesia.

Bab II adalah sorotan karya yang membahas tentang: konsep kerja sosial dengan kumpulan meliputi pengertian, tujuan dan proses pembentukan kumpulan, jenis dan model kumpulan, konsep tentang wanita, program penanganan permasalahan wanita yang mengalami Keganasan Dalam Rumah Tangga (KDRT), jenis perkhidmatan yang digunakan dalam penanganan wanita KDRT, isu-isu psikososial KDRT, intervensi kerja sosial dalam menangani wanita yang mengalami

keganasan rumah tangga (KDRT) serta dasar sosial dan undang-undang berhubung KDRT.

Bab III menghuraikan tentang metodologi kajian. Pada bahagian ini dihuraikan tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, informan, teknik pengumpulan data, etika kajian, kesahan data, dan teknik analisis data.

Bab IV menghuraikan gambaran dapatan kajian yang merupakan jawapan daripada persoalan kajian yang terkait dengan bab sebelumnya.

Bab V menghuraikan tentang perbincangan, implikasi dan cadangan kajian, yang merangkumi implikasi terhadap praktis kerja sosial, serta huraian tentang cadangan kajian untuk penyelidikan seterusnya. Bahagian terakhir daripada bab ini adalah penutup dan rumusan dapatan kajian.

BAB II

SOROTAN LITERATUR

Masalah wanita yang mengalami keganasan rumah tangga di Indonesia telah meningkat dari tahun ke tahun. Hal ini dipengaruhi oleh banyak faktor diantaranya adalah wanita belum berani untuk berkongsi masalah yang dihadapi berhubung dengan masalah keganasan rumah tangga menerusi undang-undang. Keadaan ini sangat berkait rapat dengan budaya dan nilai masyarakat yang dipegang oleh sebahagian besar wanita Indonesia. Kebanyakan wanita masih lagi malu dan enggan untuk melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga kerana ada yang merasa takut diatas kesan sampingan yang perlu dilalui. Kewujudan sistem nilai dalam masyarakat khususnya di Indonesia, menempatkan wanita berada dalam keadaan yang rumit. Sistem nilai seperti wanita harus turut, hormat dan mengabdikan kepada suami turut meletakkan wanita kerap kali diganasi oleh pasangan mereka. Tambahan pula, bilangan pekerja sosial yang terlatih masih belum mencukupi dalam menangani isu-isu keganasan rumah tangga sedia ada.

Kerja sosial merupakan suatu profesion yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat, termasuk kepada wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Pelbagai kaedah dan teknik kerja sosial telah diperkenalkan untuk menangani masalah keganasan rumah tangga. Salah satu kaedah yang diguna pakai adalah kaedah kerja kumpulan (*group work*). Melalui kaedah ini, wanita yang mengalami keganasan rumah tangga memiliki peluang untuk berkongsi masalah, pengalaman dan pengetahuan di antara ahli kumpulan yang mempunyai masalah yang sama.

Menerusi perkongsian ini juga, pelbagai alternatif penanganan masalah boleh dikenalpasti ke arah penyelesaian masalah.

Intervensi Kerja Kumpulan Sebagai Praktis Kerja Sosial

Kerja sosial dengan kumpulan merupakan satu proses sokongan emosi untuk membantu ahli yang mempunyai masalah yang sama. Ianya boleh dilihat sebagai satu sistem saling bantu-membantu (*mutual aid*) di antara satu sama lain. Dalam sistem ini, ahli-ahli boleh berkongsi kekuatan mereka masing-masing dalam pencarian penyelesaian masalah (Middleman & Goldberg, 1974).

Kerja kumpulan berasaskan kepada pendekatan, prinsip-prinsip, prosedur dan fasa-fasa tertentu, di mana penglibatan ahli kumpulan secara keseluruhan penting untuk mencapai satu proses secara efektif dan efisien dalam mencapai tujuan tertentu. Peranan dan tugas pekerja sosial dengan kumpulan turut penting dalam membentuk perhubungan kekitaan, pertumbuhan mahupun perkembangan satu-satu kumpulan (Heap, 1977; Konopka, 1992). Dari pengertian ini boleh disimpulkan bahawa kerja sosial kumpulan melalui pendekatan dan teknik tertentu memberi kesempatan kepada para ahli kumpulan untuk boleh mengatasi permasalahan yang dihadapi melalui keupayaan mengembangkan kapasiti diri dalam kerja kumpulan yang dibentuk.

Teori dan model kerja kumpulan

Sejarah lahirnya kumpulan ditandai dengan fakta yang menunjukkan keperluan manusia untuk berkumpul dalam kumpulan kecil untuk saling melindungi, memberi sokongan, bergaul dengan pola interaksi, dominasi, kasih sayang dan fasa perhubungan dalam kumpulan. Pelbagai persoalan dalam masyarakat boleh

dipecahkan melalui kumpulan. Berdasarkan hasil penyelidikan, dalam proses kerja kumpulan yang efektif, dinamik kumpulan selalunya perlu diberi perhatian penting. Hal ini kerana dinamik kumpulan boleh menentukan sejauhmana kumpulan boleh berjalan sesuai dengan keperluan misalnya kumpulan yang ahlinya bersatu, saling menyokong atau sebaliknya kumpulan yang ahlinya berperilaku buruk, merosak dan membahayakan ahli lainnya. Menurut Kurt Lewins dalam Zastrow (2005) keadaan ini mengawali sejarah lahirnya modernisasi. Perkembangan berikutnya menunjukkan bahawa lahirnya kumpulan yang disebut keluarga, yang didalamnya terdapat ikatan emosional yang kuat diantara ahli keluarga tersebut berbeza dengan kumpulan yang ahlinya bersifat umum. Namun yang demikian, baik kumpulan mahupun keluarga dalam perkembangannya tidak selalu menunjukkan hubungan interpersonal yang positif semata-mata, sebaliknya turut ditandai dengan pola-pola perilaku dan interaksi yang negatif seperti reaksi marah, bersekongkol untuk melawan, dan berbagai perilaku ahli lainnya yang membahayakan kumpulan. Kesemua ini menunjukkan berpengaruhnya teori interpersonal yang berfokus kepada pengembangan keperibadian interpersonal yang kemudian terkenal dengan pendekatan psikoanalisis dari Freud. Sullivans dalam Zastrow (2005) turut menjelaskan bahawa praktis psikodinamik dalam masa yang cukup panjang melalui perkhidmatanperkhidmatan terhadap individu secara bersama-sama dalam suatu kumpulan, sebenarnya tidak hanya berguna akan tetapi sangat berhasil. Sejarah ini juga salah satunya yang menandai kepentingan akan munculnya profesion kerja sosial khususnya kerja sosial dengan kumpulan pada tahun 1955 melalui *the National Association of Social Workers*.

Perkembangan kumpulan berikutnya merujuk kepada klasifikasi kumpulan yang bersifat (1) terbuka berlawanan tertutup, di mana klasifikasi ini diertikan

sebagai kumpulan tertutup yang mempertahankan anggota yang sama dalam masa tertentu. Sedangkan kumpulan terbuka dimungkinkan ahli kumpulannya mengalami pergantian sehingga ahli kumpulan kurang untuk mengembangkan secara kuat ikatan kebersamaan dibandingkan kumpulan tertutup; (2) homogen berlawanan heterogen, melalui kumpulan homogen ahli kumpulan boleh berkongsi rasa tentang berbagai persoalan yang mereka alami dan biasanya masalah yang bersifat spesifik seperti penagih alkohol, *obsessive compulsive disorder*. Sedangkan kumpulan heterogen diertikan sebagai ahli kumpulan memiliki bermacam masalah yang meliputi golongan ahli yang menghadapi trauma, depresi, stres akibat berbagai persoalan hidup yang dialaminya; (3) primer berlawanan sekunder, di mana kumpulan primer iaitu kumpulan kecil yang bertemu lewat waktu dimana hubungan dibentuk dengan menegaskan tujuan dan identiti ahli kumpulan. Sedangkan kumpulan sekunder adalah kumpulan yang lebih besar dengan identiti yang lebih khusus misalnya ahli yang terdiri dari OKU, pengguna narkotika dan lain-lain (Turner,1978; Garvin, 1987; Zastrow 2005).

Berdasarkan pengertian kumpulan boleh dikenalpasti bahawa kumpulan memiliki potensi yang boleh digunakan untuk membantu individu-individu, samada dalam memenuhi keperluan tertentu mahupun dalam menangani masalah. Richard M.Tolman dan Christian E (1989) telah mengemukakan bahawa beberapa keperluan yang boleh dipenuhi melalui kumpulan, boleh meliputi (1) keperluan asas (*elemental need*). Keperluan ini merangkumi; keperluan persahabatan, keperluan pengakuan, keperluan untuk petualangan, keperluan berkarya secara kreatif dan keperluan untuk diterima oleh kumpulan; (2) keperluan pengembangan (*developmental need*). Keperluan ini merupakan keperluan yang muncul sesuai dengan fasa perkembangan manusia yang menyangkut kematangan daripada fasa perkembangan kanak-kanak

menuju kedewasaan. Keperluan pengembangan merangkumi keperluan terhadap adanya kawan daripada jenis kelamin yang berbeza, keperluan untuk memperoleh kebebasan daripada orang lain, penyesuaian program dengan perubahan fizikal yang dialami; (3) keperluan fungsional (*functional need*) di mana keperluan ini merangkumi keperluan untuk mengembangkan kemahiran, keperluan untuk berangan-angan atau bercita-cita secara kreatif, keperluan untuk berhubungan dengan alam sekitar dan lain-lain.

Jenis-jenis kerja kumpulan

Terapi kumpulan merupakan teknik yang seringkali digunakan dalam kerja kumpulan (*group work*). Mengubah perilaku seseorang melalui kumpulan lebih efektif daripada secara peribadi (Garvin, 1987). Menurut Turner (1978) terapi kumpulan boleh membentuk individu mendapatkan rasa selamat, identiti, penerimaan daripada kawan sebaya, kesempatan untuk menguji pendapat, mempelajari persepsi baru tentang realiti dan model-model perilaku baru, membuat nilai-nilai dan pendapat seseorang ditentang dengan cara yang tidak destruktif, serta mendapatkan simpati dan pemahaman ketika merasa sakit dan menderita.

Oleh sebab itu bagi wanita yang mengalami keganasan rumah tangga kaedah kumpulan merupakan salah satu cara efektif dalam mengatasi permasalahan mereka. Hal ini kerana setiap ahli kumpulan akan merasa tidak keseorangan atau ada orang lain yang memiliki masalah sehingga mereka merasa selesa untuk mengemukakan permasalahan yang dihadapi dan mempunyai motivasi untuk menangani permasalahan yang dihadapinya.

Garvin (1987) dan Zastrow (2006) telah mengemukakan beberapa jenis kumpulan yang boleh dijadikan alternatif pilihan dalam mengamalkan kerja kumpulan. Saranan mereka meliputi:

Kumpulan percakapan sosial (*social conversation group*). Kumpulan ini biasanya digunakan oleh orang-orang yang belum saling mengenali satu sama lain dengan baik. Masalah-masalah yang akan dibincangkan tidak ditentukan secara rasmi dan selalu berubah setiap masa. Sejalan dengan kedekatan setiap ahli dalam kumpulannya, maka percakapan sosial juga akan semakin beragam sesuai keperluan daripada kumpulan. Hal ini dijalankan untuk menunjukkan kepedulian setiap ahli kumpulan ke atas masalah yang dialami ahli lainnya.

Jenis kumpulan ini boleh digunakan untuk menguji dan menentukan seberapa dalam kualiti daripada suatu hubungan boleh dikembangkan di antara orang-orang yang belum saling mengenali dengan baik. Setiap tujuan yang dimiliki oleh ahli kumpulan tidak diharuskan untuk menjadi agenda percakapan kumpulan secara keseluruhan.

Kumpulan rekreasi (*recreational group*). Kumpulan ini biasanya menggunakan padang terbuka dan bilik yang luas, yang boleh menciptakan kespontanan setiap ahli untuk ikut serta dalam setiap aktiviti kumpulan. Hubungan yang diciptakan bersifat tidak rasmi (tidak ada pemimpin dan yang dipimpin) sehingga boleh membantu menimbulkan ciri setiap ahli. Pelbagai aktiviti yang dijalankan daripada kumpulan ini ditujukan untuk memberikan rasa rileks dalam kumpulan.

Jenis kumpulan rekreasi bertujuan untuk memberikan pelbagai aktiviti yang membuat senang dan pelbagai latihan fizikal. Pelbagai aktiviti yang seringkali dijalankan bersifat spontan dan tidak terlalu memerlukan pemimpin. Interaksi ahli kumpulan dilakukan dengan suasana rileks, sehingga boleh membantu dan membangun ciri-ciri ahli kumpulan.

Kumpulan rekreasi kemahiran (*recreational skill group*). Jenis kumpulan ini hampir menyerupai *recreational group*. Namun selain memberi pelbagai aktiviti yang membuat senang ahli kumpulan juga bertujuan untuk melatih kemahiran ahli kumpulan. Dalam kumpulan jenis ini diperlukan seseorang yang mempunyai peranan sebagai penasihat, pelatih atau instruktur kerana lebih berorientasi kepada tugas yang berkait dengan peningkatan kemahiran. Contoh daripada kumpulan jenis ini meliputi kumpulan paduan suara dan kumpulan sanggar seni.

Kumpulan pendidikan (*educational group*). Kumpulan ini harus dipimpin oleh seseorang yang terlatih atau memiliki kemahiran tertentu. Hal ini kerana kumpulan pendidikan bertujuan untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli kumpulan. Kaedah pembelajaran *andragogy* sering dilakukan dalam kumpulan ini, dimana pekerja sosial banyak memegang peranan penting dalam aktiviti kumpulan. Beberapa aktiviti yang sering dijalankan seperti; desain interior, kursus bahasa mandarin, kemahiran merawat bayi, manajemen stres, latihan asertif, dan lain sebagainya.

Kumpulan pendidikan dipimpin oleh orang yang profesional dalam bidang tertentu. Pemimpin kumpulan sering berfungsi dalam hal-hal yang bersifat edukatif dan selalunya dipimpin oleh pekerja sosial. Selain itu kumpulan ini juga bermanfaat

untuk membantu orang supaya boleh mengembangkan pola interaksi yang lebih berkesan.

Kumpulan sokong bantu (*self help group*). Tipe kumpulan ini merupakan kumpulan kecil dan sukarela yang mempunyai struktur. Katz dan Bender (1980) mendefinisikan *self help group* sebagai kumpulan kecil yang ditumbuhkan untuk saling membantu dalam mencapai suatu tujuan khas dan bersifat sukarela. Kumpulan ini menekankan kepada interaksi sosial secara tatap muka dan mempunyai tanggung jawab yang tinggi di antara ahlinya.

Kumpulan sokong bantu dibentuk oleh mereka yang mempunyai masalah dan seterusnya menetapkan strategi untuk mengatasi masalah dengan cara saling membantu dalam memenuhi keperluan-keperluan yang sama, mengatasi hambatan-hambatan atau gangguan-gangguan hidup yang sama, mengadakan perubahan-perubahan samada secara peribadi mahupun sosial. Dalam hal ini, kumpulan sokong bantu dibentuk kerana ahli kumpulan merasa bahawa keperluan-keperluannya tidak boleh dipenuhi oleh kelembagaan sosial yang ada dipersekitarannya.

Beberapa alasan ahli kumpulan membentuk kumpulan sokong bantu iaitu (1) cenderung untuk menghindarkan pimpinan kumpulan yang profesional (*professionalism leadership*) dan afiliasinya; (2) terdiri daripada ahli yang sangat homogen yang berkongsi dalam menangani masalah secara bersama, masalah yang menyebabkan sakit, atau status yang menyimpang; (3) melakukan sesi diluar seting terapi tradisional seperti; rumah sakit, klinik dan praktis peribadi; (4) terdiri daripada ahli yang tidak terhad dalam bilangan mahupun tempat, dimana komposisi kumpulan seringkali tidak tetap (beberapa ahli mungkin hadir dalam setiap sesi, mungkin ikut penyertaan secara bertaburan dan beberapa ahli mungkin datang untuk sesi tunggal

dan tidak pernah kembali lagi); dan (5) rancangan perbincangan dijalankan secara teratur, *self-help group* mengembangkan jaringan sosial tidak rasmi yang sering kali melibatkan pelbagai ciri peserta (*participant*) dalam jumlah bilangan yang cukup ramai untuk melakukan kontak atau interaksi di antara ahli kumpulan yang dijalankan secara tidak rasmi (Johnson & Johnson, 1987; Garvin, 1987; Zastrow, 2006).

Garvin (1987) telah mengemukakan bahawa penanda aras daripada kumpulan sokong bantu meliputi (1) kumpulan memiliki perhatian kepada keupayaan dalam menangani permasalahan yang dialami oleh ahli kumpulan, contoh: kumpulan pemulihan mangsa penggunaan dadah, kumpulan keluarga miskin, dan lain sebagainya; (2) kumpulan memiliki fokus kepada advokasi sosial atau pembelaan sosial, contoh: kumpulan yang memperjuangkan hak-hak orang kurang upaya (OKU); (3) kumpulan memiliki fokus untuk menciptakan pola hidup alternatif, contoh: kumpulan keagamaan; dan (4) kumpulan daripada orang-orang yang merasa diketepikan (diskriminasi), contoh: kumpulan orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA), kumpulan seks-pelacur, dan sebagainya.

Dengan melihat contoh kes-kes di atas yang sudah berhasil menerapkan kumpulan sokong bantu, maka tidak menutup kemungkinan model ini tepat untuk dilaksanakan dalam kes-kes wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Beberapa alasan mengapa kumpulan sokong bantu seringkali berjaya dalam menyelesaikan persoalan ahli kumpulan adalah kerana (1) ahli-ahli kumpulan memiliki pemahaman dalaman (*internal*) tentang masalah yang dihadapinya; (2) pengalaman yang sangat menderita daripada masalah dihadapi ahli kumpulan akan memotivasi mereka untuk berdedikasi dalam menemukan cara untuk membantu diri

dan orang lain; (3) secara kejiwaan seseorang akan mendapat *reward* ketika ia membantu orang lain (merasa dirinya berharga dan bermanfaat bagi orang lain (Garvin, 1987; Katz & Bender, 1980).

Kajian Lepas Berkaitan Kerja Kumpulan

Penyelidikan tentang kerja kumpulan telah dilakukan oleh Robert Bierstedt (<http://oktavia.wordpress.com/2010/10/01/proses-pembentukan-kumpulan>). Hasil kajiannya memperlihatkan bahawa kumpulan memiliki banyak jenis dan dibezakan berdasarkan ada tidaknya organisasi, hubungan sosial antara kumpulan, dan kesedaran. Bierstedt kemudian membagi kumpulan menjadi empat (1) Kumpulan statistik, iaitu kumpulan yang bukan organisasi, tidak memiliki hubungan sosial dan kesedaran jenis di antaranya. Contoh: kumpulan penduduk usia 10-15 tahun di sebuah kecamatan; (2) Kumpulan kemasyarakatan, iaitu kumpulan yang memiliki persamaan tetapi tidak mempunyai organisasi dan hubungan sosial di antara ahli kumpulan; (3) Kumpulan sosial, iaitu kumpulan yang ahlinya memiliki kesedaran jenis dan berhubungan satu dengan yang lainnya, tetapi tidak terikat dalam ikatan organisasi. Contoh kumpulan sesi, kerabat; (4) Kumpulan asosiasi, iaitu kumpulan yang ahlinya mempunyai kesedaran jenis dan ada persamaan kepentingan peribadi mahupun kepentingan bersama. Dalam asosiasi, para ahlinya melakukan hubungan sosial, kontak dan komunikasi, serta memiliki ikatan organisasi formal, contoh negara, sekolah. Penyelidikan lain memperlihatkan bahawa melalui kumpulan boleh meningkatkan kepercayaan diri pelajar (Penelitian Quasi Eksperimen pada Sekolah Menengah Atas Laboratorium (Percontohan) UPI Bandung Tahun Ajaran 2010/2011) <http://jurnal.upi.edu/penelitian>.

Penyelidikan secara khusus tentang keganasan juga telah banyak dilakukan. Penyelidikan oleh Rifka Annisa *Women Crisis Centre* (RAWCC, 1995) tentang keganasan dalam rumah tangga telah memperlihatkan bahawa 48% wanita (suri rumah tangga) mengalami keganasan verbal, dan 2% mengalami keganasan fizikal. Kajian ini turut melaporkan bahawa antara faktor melakukan keganasan adalah kerana fasa pendidikan dan pekerjaan suami (pelaku) bermula Sekolah Dasar sehingga Universiti (peringkat master); pekerjaan dari sektor swasta, pegawai kerajaan, syarikat milik kerajaan, dan tentera. Kerap kali mangsa (isteri) yang bekerja dan tidak bekerja mengalami keganasan termasuklah dalam kalangan isteri yang berpendapatan lebih tinggi daripada suami.

Penyelidikan lain menunjukkan adanya peningkatan tindak keganasan terhadap wanita. Menurut Komisi Wanita (2005) sebanyak 72% dari wanita melaporkan tindak keganasan setelah berkahwin dan pelakunya selalu suami mereka. Mitra Wanita (2005) pula melaporkan 80% dari wanita yang melapor pelakunya adalah para suami, bekas suami, teman lelaki, kerabat atau orang tua, dan 4.5% dari wanita yang melaporkan adalah berusia dibawah 18 tahun. Pusat Krisis Wanita di Jakarta (2005) memperlihatkan 9 daripada 10 wanita yang memanfaatkan perkhidmatan mengalami lebih dari satu jenis keganasan (fizikal, kejiwaan, seksualiti, keganasan ekonomi, dan pembiaran) dan hampir 17% kes terbabit mempunyai kesan terhadap kesihatan reproduksi wanita.

Hasil penelitian keganasan pada isteri di wilayah Aceh yang dilakukan oleh Flower (1998) telah mengenalpasti daripada 100 responden, sejumlah 76 orang yang memberikan respon dimana 37 orang mengatakan pernah mengalami tindak keganasan dalam rumah tangga berupa keganasan kejiwaan (32 orang), seksual (11

orang), ekonomi (19 orang), dan keganasan fizikal (11 orang). Penemuan lain menunjukkan sebahagian responden tidak hanya mengalami satu keganasan sahaja. Daripada jumlah 37 responden, 20 responden pula mengalami lebih dari satu keganasan, biasanya bermula dengan perbezaan pendapat antara pasangan isteri dengan suami lalu muncul pernyataan-pernyataan yang menyakitkan isteri, bila situasi semakin panas maka suami melakukan keganasan fizikal.

Hasil penyelidikan lain mengenai gambaran KDRT yang dilakukan Irwanto (2007) terhadap 105 orang responden, turut menunjukkan bahwa, 71 orang wanita (67.6%) mengalami KDRT, dan 34 wanita (32.4%) tidak pernah mengalami KDRT sama sekali. Selanjutnya penyelidikan ini turut memberikan gambaran strategi daya tindak (*coping*) wanita yang mengalami keganasan dimana strategi *coping* yang digunakan para wanita dalam menghadapi KDRT berbeza satu sama lain. Meskipun demikian setidaknya terdapat dua strategi daya tindak yang sering digunakan oleh wanita tersebut dalam menghadapi KDRT iaitu memberitahu orang lain tentang keganasan dan lari dari situasi yang mengancam (<http://lib.atmajaya.ac.id/>).

Model Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Model*)

Pekerja sosial menggunakan model atau pendekatan penyelesaian masalah untuk membantu individu, keluarga, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Pendekatan ini menurut Johnson and Johnson (1987), merupakan proses pemecahan masalah yang belum terselesaikan, menemukan jawaban atas kesulitan, proses menemukan solusi dari masalah, dengan melibatkan perubahan keadaan yang sebenarnya dengan keadaan yang diinginkan (Johnson & Johnson, 1987; Zastrow 2006). Ada beberapa hal yang perlu diperhatikan dalam model penyelesaian masalah iaitu (1) mengenal pasti dan mentakrifkan masalah. Apabila proses menemukenali